



LEMBAGA KEMAJUAN WILAYAH PULAU PINANG
PENANG REGIONAL DEVELOPMENT AUTHORITY

**LEMBAGA KEMAJUAN WILAYAH PULAU PINANG
KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH**

**KENYATAAN SEBUT HARGA
(KHAS UNTUK BUMIPUTERA)**

1. Tawaran adalah dipelawa daripada pembekal Bumiputera yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia** dalam kod bidang berkaitan dan masih lagi dibenarkan membuat tawaran buat masa ini, bagi perkhidmatan seperti berikut:-

(i)	NO. SEBUT HARGA	PERDA/BHT/S/8/2026
(ii)	TAJUK SEBUT HARGA	PERKHIDMATAN PEMOTONGAN RUMPUT, MENCABUT DAN MEMOTONG POKOK LIAR SERTA PEMBERSIHAN KAWASAN SEKITAR TANAH MILIK PERDA BAGI TEMPOH SATU (1) TAHUN
(iii)	KELAYAKAN	221002 & 221003 – Perkhidmatan Membersih Kawasan dan Mengangkat Sampah
(iv)	TARIKH DAN MASA MENDAFTAR	20 Mei 2026 (Rabu, 10.00 pagi) Dewan Mutiara Wawasan, Tingkat 6, Ibu Pejabat PERDA
(v)	TARIKH, MASA DAN TEMPAT TAKLIMAT SEBUT HARGA	20 Mei 2026 (Rabu, 10.30 pagi) Dewan Mutiara Wawasan, Tingkat 6, Ibu Pejabat PERDA
(vi)	TARIKH DAN MASA EDARAN DOKUMEN (melalui e-mel)	21 Mei 2026 (Khamis, 12.00 tengah hari)
(vii)	TARIKH DAN MASA TUTUP SEBUT HARGA	3 Jun 2026 (Rabu, 12.00 tengah hari)

2. Sesi pendaftaran dan taklimat adalah **WAJIB**. Syarikat yang layak perlu membawa **sesalinan sijil Akaun Pendaftaran Bumiputera, sijil Pendaftaran Kementerian Kewangan dalam bidang yang berkaitan dan Sijil Pematuhan Cukai (TCC) yang masih sah** semasa menghadiri sesi pendaftaran dan taklimat. Dokumen sebut harga hanya akan diedar secara percuma melalui e-mel kepada syarikat yang telah mendaftar dan menghadiri sesi taklimat sahaja. Syarikat perlu mencetak dan menjilidkan dokumen dengan sempurna dan lengkap.

3. Dokumen sebut harga yang telah sempurna dan dilakri serta ditulis No. Sebut Harga dan Tajuk Sebut Harga di sudut atas sampul surat, hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga yang ditetapkan di **Bahagian Kewangan, Tingkat 5, Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang, No. 1, Lorong Kampung Gajah 2, Jalan Kampung Gajah, 12200 Butterworth, Pulau Pinang** sebelum atau pada **3 Jun 2026 (Rabu, 12.00 tengah hari)**. Tawaran yang lewat diterima tidak akan dipertimbangkan.

4. Waktu urusan pejabat PERDA adalah seperti berikut:

Hari	Waktu	Tempat
Isnin hingga Khamis	8.00 pagi hingga 1.00 tengah hari 2.00 petang hingga 5.00 petang	Bahagian Kewangan, Tingkat 5, Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang No.1, Lorong Kampung Gajah 2, Jalan Kampung Gajah, 12200 Butterworth.
Jumaat	8.00 pagi hingga 12.15 tengah hari 2.45 petang hingga 5.00 petang	

5. PERDA tidak akan terikat menerima tawaran terendah atau sebarang tawaran atau memberi apa-apa sebab sesuatu tawaran itu ditolak dan juga tidak bertanggungjawab ke atas perbelanjaan berhubung dengan tawaran ini.